

Headline	Persidangan Aids Sedunia kehilangan enam peserta dalam nahas MH17		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	20 Jul 2014	Color	Black/white
Section	Dunia/Asean	Circulation	29,826
Page No	8	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	140 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 288
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 865



Persidangan Aids Sedunia kehilangan enam peserta dalam nahas MH17

MELBOURNE: Satu persidangan Aids sedunia pada Sabtu dikejutkan dengan kehilangan rakan-rakan mereka dalam melapetaka Malaysia Airlines di Ukraine, namun semangat mereka kembali selepas jumlah terbabit disahkan sebagai enam orang, kurang daripada yang dijangka sebelum ini.

Laporan pada Jumaat menyebut bahawa berkemungkinan seramai 100 penumpang di dalam pesawat sedang menuju ke Persidangan Aids Antarabangsa ke-20 di Melbourne ketika ia terhempas di wilayah yang dikuasai pemberontak pada Khamis, membunuh kesemua 298 yang berada di dalamnya.

Bagaimanapun, presiden Persatuan Aids Antarabangsa, Françoise Barre-Sinoussi berkata, hanya enam peserta persidangan yang disahkan terlibat.

"Jumlah yang kami sahkan menerusi hubungan kami di Australia, di Malaysia dan pihak berkuasa Belanda ialah enam orang.

Ia mungkin agak ramai namun ia tidaklah seramai yang diumumkan sebelum ini," katanya.

Mereka yang terbunuh termasuklah Joep Lange dari Belanda, seorang pelopor anti-retroviral bagi mereka yang kurang berkemampuan, yang sudah terlibat dengan penyelidikan HIV sejak tahun 1983.

Pegawai-pegawai berkata, Pim de Kuijer daripada STOPAIDSNOW turut berada dalam pesawat, bersama dengan Lucie van Mens, pengarah Aids Action Europe serta rakannya Maria Adriana de Schutter.

Pegawai Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Glenn Thomas dan Jacqueline van Tongeren daripada Institut Kesihatan dan Pembangunan Global Amsterdam turut maut dalam nahas tersebut.

Penerbangan MH17 dari Amsterdam ke Kuala Lumpur yang pegawai-pegawai AS percaya ditembak menggunakan peluru berpandu dijangka akan meneruskan penerbangan ke Melbourne. - AFP